

13 DEC 2000

Parlimen-Hakim

PELANJUTAN KHIDMAT TUN MOHD EUSOFF SELARAS DENGAN PERLEMBAGAAN

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Penyambungan perkhidmatan Tun Mohd Eusoff Chin sebagai Ketua Hakim Negara selama enam bulan selepas tarikh beliau sepatutnya bersara adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar berkata Perkara 125 (1) perlembagaan itu menyatakan bahawa hakim Mahkamah Persekutuan boleh menyandang jawatan sehingga umurnya 65 tahun atau dalam satu tempoh tidak melebihi enam bulan selepas itu.

"Memang benar Tun Mohd Eusoff sepatutnya bersara 20 Jun lepas tetapi pada masa itu belum ada pengganti yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, jadi khidmat beliau disambung selama enam bulan lagi," katanya ketika menjawab soalan Mat Basir Rahmat (Pas-Parit) pada sesi soal jawab.

Noh berkata beliau hairan kerana tiba-tiba parti pembangkang seolah-olah tidak memahami Perlembagaan atau tidak percaya kepada sistem kehakiman berdasarkan soalan yang mereka tanya.

Mat Basir bertanya apa relevannya kerajaan melanjutkan selama enam bulan tempoh perkhidmatan Tun Mohd Eusoff sebagai Ketua Hakim Negara yang sepatutnya bersara wajib 20 Jun lepas.

Dalam soalan tambahannya pula Basir bertanya mengapa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelihatan begitu enggan mengumumkan pelantikan Ketua Hakim Negara yang baru walaupun selepas sebulan dibuat.

Noh menjawab; "Perdana Menteri tidak mengumumkannya sebelum itu kerana belum lagi menerima pengumuman rasmi dari Majlis Raja-Raja.

"Kalau Perdana Menteri umumkan awal sangat pun, nanti jadi isu politik juga, kononnya Dr Mahathir mendahului raja-raja."

Pada 7 Dis lepas Pejabat Perdana Menteri menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan melantik Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah sebagai Ketua Hakim Negara yang baru.

Pelantikan itu atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-raja, menurut kenyataan itu.

Noh berkata; "Sebagai warga negara kita kena hormati keputusan yang telah diambil dan jika pembangkang tidak hormati badan kehakiman negara ini, bayangkan sikap yang akan diambil oleh rakyat yang mengikut teladan mereka."

-- BERNAMA

SLR MNY NMO